

BH 2016/13 Ms. 1

**» Kes pertama pembedahan tumor otak
lakar sejarah dunia perubatan negara**

Bedah secara sedar

Oleh Fatin Hafizah
Mohd Shahar
fatin@mediaprima.com.my

Pelbagai perkara berkecamuk dalam fikiran. Rasa gementar dan bingung untuk memberikan kata putus sama dirinya bersiap sedia dari segi mental dan fizikal untuk melakukan pembedahan otak dalam sedar

selepas dicadangkan doktor.

Tambahan pula selepas mengetahui pembedahan dikenali sebagai *Awake Craniotomy* itu adalah yang pertama dilakukan di Malaysia.

Namun, atas keinginan dan semangat untuk sembuh sepenuhnya daripada tumor otak yang dideritai sejak awal tahun ini, Jurutera, Ismail Ibrahim, memberanikan diri menjalani pembedahan berkenaan.

Ternyata kepakaran doktor


Malaysia amat hebat dan beliau berjaya menjalani pembedahan itu dengan baik. Yang ajaibnya, Ismail mampu kembali bertugas seperti biasa tanpa merasakan sebarang kesakitan biarpun baru jalani pembedahan.

Sebelum ini, beliau pernah putus harapan dan menganggap dirinya tidak dapat hidup lama sejurus disahkan mengalami tumor otak selepas kerap kebas pada anggota badan bahagian kiri. **MS2**


Mengapa lakukan pembedahan otak secara sadar

- ⊙ Untuk **mengeluarkan ketumbuhan** daripada otak pesakit tanpa menyebabkan kerosakan otaknya.
- ⊙ Bahagian itu **mengawal fungsi penting** seperti komunikasi, persepsi, interaksi dan pergerakan.
- ⊙ Pengurusan deria, pergerakan dan pertuturan memainkan **fungsi penting** untuk kehidupan normal.
- ⊙ **Pesakit perlu disedarkan** semasa pembedahan untuk membolehkan pemotongan maksimum.
- ⊙ **Tidak ada kecederaan** ataupun hanya kecederaan minimum berlaku kepada tisu otak yang normal.
- ⊙ **Cara terbaik** memastikan pesakit tidak mengalami kerosakan fungsi tubuh badan akibat pembedahan ialah melalui

Pakar perubatan yang terlibat melakukan pembedahan otak secara sadar.



Beri harapan baru



B14 20/6/13 MS2.

⊙ Dari MS1

“Keputusan dibedah dalam keadaan sadar semanganya bukan perkara mudah. Banyak yang terlintas di fikiran saya sejurus cadangan diberikan oleh pakar. Tambahan lagi saya juga masih terkejut apabila

Ismail ditemani isterinya, Nawah Mohd Rashid memberitahu apabila disedarkan semasa bedah beliau terasa takut tapi keadaan terkawal apabila kumpulan pakar bedah yang terbabit memberikan sokongan moral dan psikologi terhadapnya.

“Sebaik saja membuka mata, saya melihat doktor

“**KAMI MENILAI DARI SEGI USIA, BERFIKIRAN POSITIF DAN MEREKA YANG KUAT UNTUK MENERUSKAN PEMBEDAHAN INI KERANA IA MEMERLUKAN KOMITMEN YANG TINGGI”**



mengeluarkan ketumbuhan dikenali sebagai *Eloquent Brain* tanpa memberi kesan kerosakan kepada otak.


“Penekanan diberikan pada bahagian otak yang mengawal fungsi penting seperti komunikasi, persepsi, interaksi dan pergerakan. Bahagian itu mengurus deria, pergerakan dan pertuturan yang juga fungsi penting untuk kehidupan normal.

“Cara berinteraksi juga dapat melihat maklum balas pesakit ketika pembedahan. Ia bertujuan memastikan bahagian otak yang mengawal fungsi itu tidak mengalami kerosakan. Jika terdapat perubahan negatif pada fungsi dan reaksi, pembedahan akan dihentikan,” katanya pada sidang akhbar mengenai pembedahan sulung itu, baru-baru ini.

Pembedahan sulung itu dibantu tiga lagi pakar bedah iaitu Dr Toh Charng Jeng, Dr Sanmugarajah Paramasvaran dan Dr Ainul Jaffar.

Dr Esa Kamuruzaman pula ialah pakar bius untuk pastikan pesakit lali sebelum menyedarkannya semula sebaik tempurung kepala pesakit dibuka.

maklum balas mereka.
 © Ini **tidak dapat diketahui** jika pesakit berada dalam keadaan tidak sedarkan diri.
 © Walaupun terdapat **teknologi MRI** untuk mengesan lokasi ketumbuhan, tetapi ia masih belum cukup tepat.
 © Menerusi **imbasan MRI** pembedahan boleh diumpamakan seperti meredah kawasan yang penuh dengan perangkap samar.
 © **Sebarang kerosakan** kepada bahagian ini, walaupun cuma satu milimeter, boleh menyebabkan pesakit mengalami kecacatan yang kekal.



diagnosis mengalami tumor otak. Baru saja cuba menerima berita itu, datang pula cadangan yang lebih memanjatkan.

"Namun selepas diterangkan pembedahan itu memberikan peluang besar untuk menyelamatkan pergerakan anggota kiri saya dan mengurangkan pemuangan sel ia memberikan semangat kepada saya mencuba," jelasnya ketika ditemui di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) selepas menjalani pembedahan pertama iaitu *Awake Craniotomy* dalam situasi pesakit masih sedar.

Takut bila sedar
 Menyambung penjelasan,

bertugas berada di depan bagi mengawal keadaan sambil Pakar Bedah Neurologi HUKM, Profesor Madya Dr Ramesh Kumar meneruskan pembedahan dan berinteraksi dengan saya supaya melakukan pergerakan mudah termasuk menggenggam jari serta menggerakkan kaki.

"Saya mendengar dan melihat mereka untuk menyuruh saya memberi tindak balas terhadap pergerakan tangan dan percakapan mereka di samping menasihatkan saya membaca ayat-ayat amalan untuk menenangkan diri.

"Hampir satu setengah jam juga saya disedarkan sebelum ditidurkan semula untuk proses menutup kem-

Dr Ramesh Kumar,
 Pakar Bedah Neurologi
 HUKM

bali tempurung kepala. Saya juga amat bersyukur kerana diberikan peluang menjadi pesakit pertama menjalani rawatan terbaru itu," jelasnya.

Pembabitan pesakit

Dr Ramesh Kumar yang mengetuai pembedahan *Awake Craniotomy* itu membolehkan pemotongan maksimum bagi memastikan tiada kecederaan berlaku kepada tisu otak normal pesakit.

Mencatatkan pencapaian menakjubkan, katanya pembedahan itu bertujuan

Bersyarat
 Biar pun melakarkan sejarah luar biasa, Dr Ramesh menjelaskan pembedahan yang membabitkan pesakit mengambil bahagian semasa pembedahan itu bagaimana pun menetapkan beberapa ciri penting untuk pastikan ia berjaya.

"Keseluruhan masa diambal untuk pembedahan ialah empat jam dan pesakit sedar selama satu setengah jam sebelum proses penutupan tempurung kepala mereka dijalankan. Secara tidak langsung pembedahan itu dapat menentukan pesakit tidak kehilangan fungsi yang boleh menjejaskan mereka ketika proses pemuangan ketumbuhan," jelasnya.

Kaedah pembedahan
 © **Pesakit akan diberi bius sebelum pembedahan.** Pakar bedah akan memulakan pembedahan dengan membuka tempurung kepala sampai kebahagiaan otak.
 © Pesakit **perlu dibius** kerana kulit kepala dan perikranium (tisu yang menyelaputi tempurung) berasa sakit sementara otak tidak mempunyai deria sakit.
 © Selepas tempurung kepala pesakit dibuka, **pesakit akan terjaga** untuk proses pembedahan.
 © Selepas pemotongan ketumbuhan dibuat, pesakit dilalikan semula untuk menutup kembali tempurung kepala.

Kes bedah sedar di dunia

1. Senator Edward Kennedy, 81, Amerika Syarikat.

Edward yang juga dikenali Ted Kennedy pernah menjalani pembedahan otak secara sedar bagi membuang ketumbuhan otaknya.

Ted Kennedy dimasukkan ke Hospital Cape Cod, Massachusetts, 17 Mei, 2008, selepas mengalami sawan.

Tiga hari kemudian doktor mendapati senator dikenali sebagai *Lion of the Senate* itu berhadapan



dengan *glioma malignan* membabitkan masalah tumor mati otak dan menjalani pembedahan, pada 2 Jun 2009.

Berikutan pembedahan itu, doktor yang mengendalikan prosedur mengumumkan kejayaan pembedahan secara sedar itu.


Jurucakap Kennedy juga berkata senator itu memberitahu isterinya sejeurus selesai pembedahan itu bahawa dirinya seperti satu juta dolar dan akan melakukannya sekali lagi.

Mendiang menghembuskan nafas terakhir pada Ogos, 2009 ketika usianya 77 tahun.

2. Moubani Karmakar, 20, India.

Pelajar wanita berasal dari Kolkata, Moubani Karmakar mengejutkan masyarakat setempat apabila dirinya diberi pilihan untuk menjalani pembedahan otak secara sedar selepas mengalami kesakitan, pada Julai 2011 dan segera diletakkan di bawah susulan neurologi.

Walaupun diberikan ubat, Moubani ketika itu



Doktor melakukan pembedahan ke atas Moubani (gambar kecil).

berusia 18 tahun terus mengalami sawan. Selepas beberapa siri ujian klinikal dan imbasan CT, gadis itu telah disahkan menghidap tumor di sebelah kanan otak.

Lebih membimbangkan, ketumbuhan dalam otaknya

terletak di kawasan motor di sebelah kiri otak iaitu bahagian bertanggungjawab untuk pergerakan di sebelah kanan badan.

Pembedahan itu bagaimanapun selamat dijalankan pakar neurologi, Dr Amitabha Chanda.